

Headline **220 atlet UUM ke Sukum-36**
Date **08 Jul 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **u30**
Article Size **308 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,694**
PRValue **5,082**



220 atlet UUM ke Sukum-36

MARIA UFFA ZULKAFELI

SINTOK - Seramai 220 atlet Universiti Utara Malaysia (UUM) akan mewakili universiti itu ke Kejohanan Sukan Staf antara Universiti-Universiti Awam Malaysia ke-36 (Sukum 36) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), pada 8 hingga 17 Julai ini.

Sebanyak 12 pasukan akan berentap dalam pelbagai acara yang disertai antaranya bola sepak senior dan veteran, bola jaring, bola tampar lelaki dan wanita, ping pong campuran, tenpin boling lelaki dan wanita, karom, tenis, dan boling padang.

Bendahari UUM, Amron Man mengingatkan kontinjen UUM untuk memiliki percaturan strategi yang bijak bagi memastikan kemenangan dalam kejohanan itu.

"Sekiranya tahun lepas UUM hanya mendapat tempat keempat, tetapi kita mengharapkan UUM menjadi juara atau naib juara pada tahun ini.

"Warga universiti ini mengharapkan kontinjen UUM untuk pulang membawa kejayaan sebagai bukti kesungguhan mereka dalam mengharumkan nama universiti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mewakili Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, dalam majlis penyerahan bendera UUM kepada kontinjen universiti yang akan berjuang di Sukum 36.

Sementara itu, Timbalan Ketua Kontinjen, Profesor Madya Dr Juzhar Jusoh berkata, persediaan pasukan UUM kali ini sangat mantap dan berharap semua atlet yakin kepada diri sendiri untuk mengelak daripada kelemahan kekuatan mental ketika berada di gelanggang kelak.

"Pada pengamatan saya, semua atlet kita mempunyai keistimewaannya tersendiri dan masing-masing mempunyai potensi untuk berjaya.

"Semua peserta sama hebat tetapi apa yang membezakan antara yang cemerlang dan sebaliknya adalah sikap serta komitmen mereka," katanya.

Kejohanan Sukum merupakan temasya sukan tahunan antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia.

Bagi kejohanan kali ke-36 ini, pihak peng-anjur telah memper-tandingkan enam anugerah khas pada tahun ini, iaitu Pendaftaran Kontinjen Terbesar, Penyertaan Staf Veteran Teramai, Kontinjen Sihat Cergas, Semangat Sukan Tertinggi (Kategori Gelanggang), Semangat Sukan Tertinggi (Kategori Padang) dan Kontinjen Bersemangat Sukan Tertinggi.

Headline **220 atlet UUM ke Sukum-36**
Date **08 Jul 2011**
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **u30**
Article Size **308 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,694**
PRValue **5,082**



■ Semua kontinjen UUM ke Sukum bergambar kenangan dan berharap akan merangkul kemenangan yang lebih baik pada tahun ini.